

01/02/1998

Umno Kelantan perlu ketepikan perebutan

Azman Mahmood

JELI: Seluruh ahli Umno Kelantan perlu mengetepikan soal perebutan jawatan kerana matlamat dan agenda besar parti ialah untuk memenangi pilihan raya umum akan datang menerusi semangat perpaduan yang kukuh.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata bagi memastikan hasrat itu menjadi kenyataan, Umno Kelantan memerlukan satu barisan kepimpinan mantap dan bersatu di semua peringkat.

Menurutnya, semua pihak harus menerima baik dan tidak mempersoalkan keputusan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta agar jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti Mac depan.

"Perkara itu sudah dibincang secara mendalam dan mengambil kira segala aspek, termasuk mengukuhkan perpaduan Umno untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Keputusan tiada pertandingan bagi jawatan ketua bahagian itu dicapai sebulat suara dibuat dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 26 Januari lalu, yang dipengerusikan Presiden parti," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya, di sini, semalam.

Oleh itu, katanya, yang penting dalam konteks Umno Kelantan ialah untuk memenangi pilihan raya negeri kerana kita sudah berada dalam kerajaan pembangkang selama tujuh tahun.

"Jadi sudah tiba masa untuk kita mengambil semula pemerintahan Kelantan pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Mustapa yang juga Ketua Umno bahagian Jeli berkata, tanpa persediaan rapi dan perpaduan mantap, amat sukar Umno kembali memerintah Kelantan.

Beliau menegaskan faktor yang menentukan kekalahan dan kemenangan Umno di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang bergantung kepada perpaduan dan disiplin ahli.

"Perlu ada perpaduan dan tahap disiplin tinggi, kalau tidak masa depan kita di Kelantan gelap.

"Saya menyeru kepada semua pihak yang masih berminat bertanding supaya menghentikan kegiatan, termasuk berkempen bagi tujuan itu serta merta. Kita tidak mahu di depan bersetuju, tetapi di belakang lain cakapnya," katanya. Menyentuh dakwaan kononnya jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan disifatkan sebagai tidak demokrasi, beliau berkata demokrasi tidak bermakna kebebasan sepenuhnya.

(END)